

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 ( 54 )



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2024**

---

### **PENETAPAN PERATURAN MARGIN KEUNTUNGAN DALAM IMPLIKASI KEWANGAN MELIBATKAN PROGRAM/AKTIVITI PENJANAAN PTJ**

**Pejabat Bendahari**

2 Julai 2024

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 54 )

2 Julai 2024

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 11/2024

### PENETAPAN PERATURAN MARGIN KEUNTUNGAN DALAM IMPLIKASI KEWANGAN MELIBATKAN PROGRAM/AKTIVITI PENJANAAN PTJ

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk menarik perhatian Pusat Tanggungjawab (PTj) berhubung keperluan penetapan peraturan margin keuntungan dalam implikasi kewangan melibatkan semua program/aktiviti penjanaaan oleh PTj.
- 1.2 Tujuan Surat Pekeliling Kewangan ini juga adalah untuk memberi panduan kepada PTj mengenai penentuan kos bagi pengendalian program/aktiviti penjanaaan di PTj seperti persidangan, bengkel, kursus atau sebagainya dengan mengutamakan agihan daripada keuntungan yang akan dijana.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan sesuatu program yang menjana pendapatan hendaklah diasaskan kepada memenuhi pulangan perbelanjaan (*breakeven*) dan beroleh keuntungan kepada penganjur dan cara pengiraannya berbeza di antara program.
- 2.2 Dengan penetapan peraturan margin keuntungan dapat membantu PTj menyediakan anggaran kos program/aktiviti (implikasi kewangan) yang seragam di samping dapat memastikan penganjuran aktiviti dilaksanakan hanya selepas mengambilkira kos sebenar dan agihan keuntungan kepada Universiti/PTj.

- 2.3 Penyediaan anggaran perbelanjaan yang terperinci juga dapat membantu jawatankuasa pelaksana program menentukan kos minima untuk dikenakan kepada peserta dan jumlah minima penyertaan untuk kawalan.
- 2.4 Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab C Pengurusan Akaun Amanah telah menjelaskan akan keperluan penubuhan Akaun Amanah (Tabung Amanah) adalah penting bagi membolehkan urusan kewangan sesuatu aktiviti dan program dibezakan daripada urusan kewangan Universiti. Penubuhan Akaun-akaun Amanah ini bertujuan merekod perbelanjaan dan pendapatan yang dibenarkan di bawah satu akaun yang berasingan berdasarkan implikasi kewangan yang diluluskan.
- 2.5 PKPU juga telah menggariskan panduan atau contoh penyediaan implikasi kewangan atau penentuan kos program yang komprehensif seperti di **Lampiran** yang mana mengandungi komponen seperti berikut:
- 2.5.1 Anggaran Pendapatan (sumber-sumber kewangan program) bagi program yang menjana pendapatan adalah seperti Pelbagai Hasil Yuran/Sewaan/Caj, Sumbangan/Tajaan atau lain-lain sumber yang diluluskan;
- 2.5.2 Anggaran Perbelanjaan seperti:
- i. Kos awalan
  - ii. Kos langsung
  - iii. Pelbagai tuntutan
  - iv. Kos overhead seperti utiliti, kemudahan Universiti, kos pembersihan
  - v. Sewaan peralatan, kelengkapan, fasiliti atau bahan
- 2.5.3 Anggaran lebihan atau keuntungan bersih.

- 2.6 Di dalam memastikan PTj turut sama membantu meningkatkan hasil pendapatan Universiti, Universiti telah membuat penetapan sasaran penjanaaan pendapatan bagi setiap PTj mulai tahun 2016.
- 2.7 Bagi tahun 2024, penetapan sasaran penjanaaan pendapatan telah diluluskan seperti mana yang dijelaskan pada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 7 Tahun 2024 “Sasaran Penjanaaan Pendapatan Tahun 2024 UTeM” bertarikh 2 April 2024 iaitu berdasarkan perkara-perkara berikut:
- 2.7.1 sasaran penjanaaan tahun 2024 adalah berdasarkan prestasi penjanaaan tahun 2023;
- 2.7.2 sasaran kenaikan sebanyak 10% daripada hasil tahun 2023;
- 2.7.3 sasaran minima penjanaaan oleh PTj adalah sebanyak RM5,000.00;
- 2.7.4 hasil pendapatan dipusatkan yang dijana oleh Universiti melalui PTj adalah berdasarkan agihan 70% kepada Universiti dan 30% akan menyumbang kepada Tabung Pengurusan PTj;
- 2.7.5 bagi hasil pendapatan yang dijana oleh PTj, 30% akan menyumbang kepada Universiti, 40% kepada Tabung Pengurusan PTj dan 30% kepada Tabung Kewangan PTj; dan
- 2.7.6 pewujudan Tabung Pengurusan PTj yang merupakan inisiatif baharu untuk menggalakkan aktiviti penjanaaan di PTj.

### **3.0 PENETAPAN PERATURAN MARGIN KEUNTUNGAN**

- 3.1 Bagi memastikan objektif dan sasaran penjanaaan pendapatan Universiti dapat dicapai, setiap implikasi kewangan (unjuran kewangan) bagi sebarang program yang berbentuk penjanaaan yang dianjurkan oleh PTj hendaklah dibuat penetapan peraturan margin keuntungan minima seperti berikut:

- 3.1.1 **jumlah peratusan yang menguntungkan iaitu anggaran lebih atau keuntungan bersih (untung bersih) sekurang-kurangnya 20% berbanding jumlah unjuran pendapatan.**
- 3.2 Peratusan atau jumlah margin keuntungan program ini hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam implikasi kewangan setiap program penjanaaan pendapatan yang mana akan menjadi faktor penentu utama sama ada program tersebut wajar dilaksanakan atau sebaliknya.
- 3.3 Umumnya, program-program yang berbentuk penjanaaan pendapatan ini adalah melibatkan:
- 3.3.1 program-program seperti seminar, bengkel, persidangan atau seumpamanya yang menjana pendapatan melalui pengurusan Tabung Amanah di bawah kawalan PTj dan **tidak termasuk** program/aktiviti berkaitan pesisir, separa masa, perundingan atau pengkomersilan yang mana tertakluk kepada peraturan khusus yang telah ditetapkan oleh Universiti; dan
- 3.3.2 program/aktiviti yang mana sumber dana utamanya hendaklah diperolehi daripada sumber jana sendiri dan **bukan** daripada peruntukan Kementerian atau dana Universiti.
- 3.4 Perbelanjaan Honorarium/Saguhati/Insentif Jawatankuasa Program
- 3.4.1 Perbelanjaan honorarium/saguhati atau insentif penghargaan berupa wang ringgit atau cenderahati kepada ahli jawatankuasa pelaksana program yang berbentuk penjanaaan pendapatan seperti yang dinyatakan pada Para 3.3 boleh dibenarkan dan hendaklah tertakluk kepada peraturan yang digariskan pada Bab C, Pengurusan Akaun Amanah, Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.

3.4.2 pembayaran honorarium/sagu hati atau insentif penghargaan kepada ahli jawatankuasa pelaksana program tersebut hanya boleh dibuat dengan menggunakan dana Tabung Kewangan PTj setelah sesuatu Tabung Amanah program ditutup atau selepas agihan keuntungan program selesai dilaksanakan oleh pihak Pejabat Bendahari yang mana perbelanjaan ini tidak termasuk dalam pengiraan kos program iaitu **tidak di ambil kira** dalam pengiraan unjuran keuntungan program.

#### **4.0 POTONGAN OLEH UNIVERSITI**

- 4.1 Universiti boleh membuat potongan atau penyelarasan atau mengenakan sebarang caj ke atas setiap program penajaan pendapatan oleh PTj mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Universiti.
- 4.2 Secara umumnya, caj yang dikenakan oleh Universiti tersebut boleh digunakan untuk menampung kos overhead, kos pentadbiran dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Universiti semasa pelaksanaan program/aktiviti penajaan di bawah kendalian PTj.
- 4.3 Universiti juga tidak terikat untuk meluluskan sebarang pengecualian atau pengurangan bayaran melibatkan program-program penajaan oleh PTj.

#### **5.0 PEMANTAUAN**

- 5.1 Ketua PTj hendaklah memastikan jawatankuasa pelaksana bagi sesuatu program/aktiviti yang berbentuk penajaan yang dianjurkan oleh PTj untuk mengambil kira margin keuntungan seperti yang dinyatakan di atas dalam implikasi kewangan serta dinyatakan dengan jelas dalam kertas cadangan penganjuran program/aktiviti sebelum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus Universiti.

- 5.2 Kedudukan kewangan bagi setiap program/aktiviti penajaan oleh PTj perlu dipantau secara berkala oleh Ketua PTj bagi memastikan kawalan terhadap perbelanjaan program seterusnya dapat meningkatkan keuntungan bersih program.

Sekian, harap maklum.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SABARINA BINTI ABDULLAH**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**CONTOH PENETAPAN IMPLIKASI KEWANGAN  
BAGI PENENTUAN KOS PROGRAM**

Nama Program: \_\_\_\_\_

A.	Anggaran Pendapatan (Sumber-sumber Kewangan)	RM
1.	Pelbagai Hasil (Yuran, Sewaan, Caj, dll)	
2.	Sumbangan/ Derma/ Tajaan/ Hadiah	
3.	Lain-lain (sila nyatakan)	
<b>JUMLAH BESAR UNJURAN PENDAPATAN</b>		

B (i)	Anggaran Perbelanjaan	RM
	a) Kos Awalan:	<b>RM</b>
	Penyediaan brosur & kertas kerja	
	Penyediaan <i>banner</i> , iklan & seranta	
	Mesyuarat, bengkel & persiapan	
	b) Kos langsung:	<b>RM</b>
	Sewaan ruang bilik/makmal/dewan (termasuk kemudahan ruang Universiti)	
	Sewaan peralatan, kelengkapan, fasiliti atau bahan (termasuk kemudahan peralatan/bahan Universiti)	
	Persiapan teknikal	
	Bahan guna habis	
	Upah atau elaun	
	Penyediaan makan & minum	
	Penginapan program	
	Pelbagai Caj Universiti (caj perkhidmatan) – jika berkenaan	
	Pelbagai perbelanjaan (sila nyatakan)	
	c) Tuntutan	<b>RM</b>
	Makanan/perjalanan/penginapan	
	Elaun lebih masa	
	<b>JUMLAH BESAR B (i) ( a + b + c )</b>	

<b>B (ii)</b>	<b>Kos Overhed (jika berkenaan)</b>	
	a) Utiliti, pentadbiran & lain-lain	
	b) Kos Pembersihan	
	c) Kos Kawalan Keselamatan (jika perlu)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Penentuan asas 5% - 10% dari anggaran perbelanjaan atau berdasarkan caj yang ditentukan Universiti</i></li> </ul>	
	<b>JUMLAH BESAR B (ii) ( a + b + c )</b>	

<b>B. JUMLAH KESELURUHAN ANGGARAN PERBELANJAAN</b>
<b>B (i) + B (ii)</b>

<b>C.</b>	<b>Anggaran Lebihan/Keuntungan Bersih</b>	<b>RM</b>
	Jumlah Pendapatan (A) - Jumlah Perbelanjaan (B) <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Jumlah peratusan yang menguntungkan iaitu anggaran lebihan atau keuntungan bersih (untung bersih) sekurang-kurangnya 20% berbanding jumlah anggaran pendapatan.</i></li> </ul>	

**Nota :**

- i. Penentuan caj bagi kemudahan/fasiliti/peralatan Universiti adalah berdasarkan kadar yang telah diluluskan dan ditetapkan Universiti/pemilik fasiliti. Universiti tidak terikat untuk meluluskan sebarang pengecualian atau pengurangan bayaran melibatkan program-program penajaan oleh PTj.
- ii. Semua kadar bayaran adalah tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian/ Memorandum Persefahaman dengan pihak penaja (pemberi dana/Kementerian) dan minit-minit keputusan Pihak Berkuasa Melulus. Sekiranya kadar-kadar bayaran tidak disebutkan secara khusus, kadar dan peraturan Universiti hendaklah berkuat kuasa.
- iii. Sebarang perbezaan atau pindaan daripada kadar rasmi perbelanjaan yang telah ditetapkan Universiti hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.